



JADUAL PEMBACAAN KHUTBAH JUMAAT SIRI 7/2022 (Bulan Julai Tahun 2022)

Bil	Tajuk	Tarikh
1.	Nikmat Yang Terlupa	1.7.2022M/ 1 Zulhijjah 1443H
2.	Istimewanya Zulhijjah	8.7.2022M/ 8 Zulhijjah 1443H
3.	Penawar Mendepani Tekanan	15.7.2022M/ 15 Zulhijjah 1443H
4.	Rintihan Penghuni Saqar	22.7.2022M/ 22 Zulhijjah 1443H
5.	Hijrah Menghancurkan Jahiliah	29.7.2022M/ 29 Zulhijjah 1443H
6.	KHUTBAH KEDUA	

فرجیتقن دبیایاء:



زكاة فولاو فينغ

تلیفون : 5498088-04

*Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang*

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah**
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia
- 3. Ustaz Rosli bin Othman**
Ketua Penolong Pengarah, Sektor Pendidikan Islam,
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
- 4. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 5. Ustazah Rohayati binti Daud**
Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 6. Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**
Guru, Madrasah Irshad Al-Ashraf Al-Wataniah, SPS
- 7. Ustaz Subki bin Mohamed**
Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





Nikmat Yang Terlupa

(1 Julai 2022M / 1 Zulhijjah 1443H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْكَرِيمِ الْمَنَّانِ، الْمُتَفَضِّلِ عَلَى عِبَادِهِ بِأَصْنَافِ النِّعَمِ وَأَنْوَاعِ الْإِحْسَانِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ الْمَلِكُ الدَّيَّانُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوثُ بِالْهُدَى وَالرَّحْمَةِ وَصَلَاحِ الْقُلُوبِ
وَالْأَبْدَانِ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَسَلَّم تَسْلِيمًا كَثِيرًا.

أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا عِبَادَ اللَّهِ، حَقَّ التَّقْوَى، وَاسْتَمْسِكُوا مِنَ الْإِسْلَامِ بِالْعُرْوَةِ
الْوُثْقَى.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN

Di hari yang penuh berkat ini, saya menyeru sidang jemaah sekalian, agar sama- sama kita memperkukuhkan iman dan taqwa kita terhadap Allah. Kita gunakan ruang dan peluang yang diberikan Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* untuk terus melakukan kebaikan serta meninggalkan setiap yang dilarang. Semoga usaha istiqamah ini menjadikan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba yang soleh.

Sebelum melanjutkan bicara, pastikan kita mematuhi adab-adab ketika mendengar khutbah iaitu pertama, jangan berbual-bual. Kedua, jangan bermain telefon bimbit. Manakala yang ketiga, jangan tidur dengan sengaja. Semoga ganjaran pahala yang besar mengiringi ibadah yang kita tunaikan semata-mata kerana Allah. Khatib ingin mengajak sidang jumaat sekalian untuk memberi tumpuan kepada khutbah yang bertajuk “Nikmat Yang Terlupa.”



SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN ALLAH SEKALIAN

Perkataan rezeki bermakna semua bentuk anugerah atau pemberian yang diberikan oleh Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kepada hamba-Nya. Secara umum rezeki boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama rezeki zahir manakala yang kedua dinamakan rezeki batin.

Rezeki zahir ialah nikmat yang boleh dilihat oleh pancaindera seperti anak, rumah, pekerjaan, gaji, kenderaan dan sebagainya. Manakala rezeki batin pula ialah anugerah yang tidak dapat dilihat secara zahir termasuk ketenangan, kebahagiaan, kesihatan serta keimanan.

Kesemua rezeki yang dikurniakan oleh Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** pada hakikatnya merupakan ketetapan dan ketentuan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**. Ini dapat dibuktikan melalui firman-Nya:

وَاللَّهُ فَضَّلَ بَعْضَكُمْ عَلَى بَعْضٍ فِي الرِّزْقِ فَمَا الَّذِينَ فُضِّلُوا بِرَادِي رِزْقِهِمْ عَلَى مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَهُمْ فِيهِ سَوَاءٌ أَفَبِنِعْمَةِ اللَّهِ يَجْحَدُونَ ﴿٧١﴾

Maksudnya: “Dan Allah telah melebihkan sebahagian dari kamu atas sebahagian yang lain pada rezeki yang dikurniakan-Nya; dalam pada itu, orang-orang yang diberi kelebihan itu tidak mahu memberikan sebahagian dari kelebihan hartanya kepada hamba-hamba mereka, supaya orang-orang itu dapat sama mempunyai harta. Maka mengapa mereka tergamak mengingkari nikmat Allah itu dengan perbuatan syirik?” (Surah An-Nahl: 71)

Ayat ini dengan jelas membuktikan bahawa penentuan rezeki insan merupakan perancangan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kepada sekalian hamba.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI SEKALIAN

Seringkali penilaian kita terhadap nikmat kurniaan yang diberikan oleh Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kepada seseorang hanyalah tertumpu kepada kemewahannya. Namun



kita sering terlupa, pengorbanan dan jerih perih yang terpaksa dilalui bagi mencapai nikmat kemewahan tersebut sehingga kadangkala menuntut masa yang panjang, terabai hubungan kekeluargaan, kejiranan dan kesihatan.

Hal ini berbeza dengan golongan kedua yang dipandang sederhana tanpa kemewahan dan kesenangan, namun masih dapat menikmati anugerah yang sangat istimewa umpamanya dapat melapangkan masa yang berkualiti bersama ahli keluarga dengan penuh kebahagiaan dan ketenangan.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى,

Imam Baihaqi menukilkan dalam kitabnya Syua'bul Iman sebuah kisah yang menarik berkaitan seorang lelaki miskin, pakaiannya compang-camping, datang kepada Imam Yunus bin 'Abid. Beliau menyatakan bahawa Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى tidak sayang kepadanya, tidak menghiraukannya serta tidak memberi sebarang nikmat kurniaan kepada-Nya. Lantas Imam Yunus bertanya:

“Adakah kamu mahu menjual sepasang mata kamu kepada aku dengan harga 100 ribu dinar?” Dijawabnya “Tidak.”

Begitu juga dengan kedua tangan dan kakinya. Kesemuanya dijawab dengan “tidak.”

Setelah itu Imam menyatakan kepadanya: “Wahai pemuda, ratusan dinar yang Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى berikan pada dirimu masih kamu berkata Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى tidak memberi apa-apa kepadamu?” Lelaki tersebut menangis seolah-olah baru tersedar betapa banyak nikmat kurniaan Allah kepadanya saban hari tetapi tidak dihargai.

SIDANG JEMAAH SEKALIAN,

Kisah ini elok dijadikan tauladan kepada kita agar sentiasa mensyukuri nikmat yang telah dikurniakan oleh Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kepada kita. Kita mungkin tidak dianugerahkan kemewahan seperti insan yang lain, tetapi pandanglah dari sudut yang berbeza bagi menghargai nikmat kurniaan Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. Kita



memikirkan kendaraan mewah yang belum dimiliki, rumah agam yang belum didiami, sedangkan dalam masa yang sama kita terlupa nikmat bahagia, selamat dan sihat yang sedang dinikmati.

Umpamanya mata kita lebih suka melihat duri tajam di tangkai mawar tetapi kita terlupa menilai keindahan dan keharumannya. Nikmat yang diberikan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kepada kita bukan ala kadar sahaja bahkan tidak terhitung jumlahnya. Kenyataan ini seiring dengan firman Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam surah An-Nahl ayat 18:

وَإِنْ تَعُدُّوا نِعْمَةَ اللَّهِ لَا تُحْصُوهَا إِنَّ اللَّهَ لَغَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٨﴾

Maksudnya; *“Dan jika kamu menghitung nikmat Allah (yang dilimpahkan kepada kamu), nescaya kamu tidak akan mampu menghitungnya satu persatu. Sesungguhnya, Allah amat pengampun, lagi amat penyayang.”*

Jelas peringatan berkaitan nikmat rezeki bukan sahaja tertumpu kepada golongan kaya sahaja. Ayat ini mensasarkan peringatan kepada semua golongan termasuk fakir miskin. Hal ini bagi membuktikan bahawa nikmat Allah sangat luas merentasi semua golongan. Dalam kehairahan kita mencari rezeki, ingatlah kekayaan itu merupakan amanah yang akan dihitung di akhirat. Berdasarkan sabda Rasulullah **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** sebuah hadis daripada Ibn Mas’ud **رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ**, Rasulullah **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** bersabda:

لَا تَزُولُ قَدَمَا ابْنِ آدَمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ عِنْدِ رَبِّهِ حَتَّى يُسْأَلَ عَنْ خَمْسٍ
عَنْ عُمُرِهِ فِيمَا أَفْنَاهُ وَعَنْ شَبَابِهِ فِيمَا أَبْلَاهُ وَمَالِهِ مِنْ أَيْنَ اكْتَسَبَهُ
وَفِيمَ أَنْفَقَهُ وَمَاذَا عَمِلَ فِيمَا عَلِمَ

Maksudnya: *“Kaki anak adam akan tetap tegak berdiri di sisi Tuhannya pada hari kiamat, hingga dia ditanya tentang lima perkara (iaitu): Tentang umurnya untuk apa dia habiskan, tentang masa mudanya untuk apa dia gunakan, tentang*

hartanya dari mana dia dapatkan, dan dalam hal apa (hartanya tersebut) dia belanjakan dan apa sahaja yang telah dilakukan dari ilmu yang dimilikinya.”

(Hadis Riwayat At-Tirmizi)

Oleh yang demikian, marilah kita sentiasa menjadi hamba yang mensyukuri nikmat kurniaan yang telah dianugerahkan oleh Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Jika kita belum mendapat rezeki yang dikehendaki bukan bermakna Allah tidak sayang pada kita, mungkin belum tiba waktu yang sesuai untuk kita menerimanya. Teruskan berdoa dan sentiasa bersangka baik dengan Allah. Segala ketetapan takdir tentang urusan rezeki insan ialah perancangan Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Ingatlah, apabila kita mensyukuri nikmat Allah, maka akan ditambah nikmat dan anugerah tersebut. Firman Allah dalam surah Ibrahim ayat 7:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

Maksudnya: “Dan ingatlah tatkala Tuhan kamu memberitahu: “Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya aku akan tambah nikmat-Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya! Jika kamu kufur ingkar, sesungguhnya azab-Ku amatlah berat.”

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Sebagai kesimpulan dari khutbah hari ini, mimbar menggariskan tiga elemen penting dalam memahami tajuk:

1. Hendaklah sentiasa mensyukuri nikmat yang dianugerahkan oleh Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Sikap tersebut akan sentiasa menambah keyakinan kita kepada Allah.
2. Pandanglah dan hargai segala nikmat anugerah yang diberikan Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* kepada kita, bukan merenung apa yang belum kita perolehi darinya. Semua yang ditakdirkan oleh Allah ada hikmah dan rahsia yang tersendiri.



3. Golongan yang mengingkari nikmat Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** akan diazab di akhirat kelak.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ هَذَا لَرِزْقُنَا مَا لَهُ مِنْ نَفَادٍ ﴿٥١﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya ini ialah pemberian Kami kepada kamu, pemberian yang tidak akan habis-habis.*”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْكِتَابِ وَالسُّنَّةِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِالْآيَاتِ وَالْحِكْمَةِ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا ، إِنْ كَانَ صَوَابًا فَمِنَ اللَّهِ الْمَنَّانِ، وَإِنْ كَانَ خَطَأً فَمِنْ نَفْسِي وَالشَّيْطَانِ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



خطبة كدوا بولن جولاي

2022M/ 1443H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلَائِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَأْنِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ وَمَرْضَاتِهِ،
ثُمَّ اعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ - عَلِيمًا حَكِيمًا:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أَيْمَتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزَرَائِنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا.
اللَّهُمَّ وَفِّقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَىٰ صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni
Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku



Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرِّبَا وَالزَّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf.

Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami, pemuda-pemuda kami, pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara.

Ya Allah! Kau hindarilah kami daripada perbuatan-perbuatan khianat dan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٩٠﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ
عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿١٥٠﴾

